

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

YKT 211 - Teori dan Penyelidikan Komunikasi II

Masa: 3 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan EMPAT soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Tulis nota ringkas mengenai semua konsep di bawah:

- a. Logik deduktif dan logik induktif
- b. Positivisme dan anti-positivisme
- c. Ukuran nominal dan ukuran ordinal
- d. Ralat persampelan
- e. Kesahan konstruk (construct validity)

(100 markah)

2. Anda ingin membuat perbandingan bagaimana akhbar berbahasa Melayu dan akhbar berbahasa Inggeris melaporkan berita mengenai bahasa iklan di Malaysia. Anda telah memilih akhbar Utusan Malaysia sebagai mewakili akhbar berbahasa Melayu dan akhbar New Straits Times sebagai mewakili akhbar berbahasa Inggeris. Anda juga telah menetapkan tahun 1997 untuk dibuat kajian. Sekiranya anda ingin memilih sampel-sampel untuk dikodkan;

- a. Kenalpasti apakah unit analisis di dalam kajian tersebut.
- b. Tulis dua (2) hipotesis alternatif berdasarkan persoalan kajian yang diberikan.

...2/-

- c. Apakah teknik persampelan yang sesuai untuk digunakan untuk memilih sampel yang representatif dan tidak bias? Berikan justifikasi kenapa anda memilih teknik tersebut dan jelaskan perkara-perkara yang harus diambil kira apabila memilih sesuatu teknik persampelan.
- d. Huraikan dengan jelas langkah-langkah dalam memilih sampel tersebut.

(100 markah)

3. Kaedah tinjauan melibatkan pengendalian soal-selidik ke atas sampel-sampel yang terpilih.
- a. Bandingkan kekuatan dan kelemahan pengendalian soal-selidik melalui temuramah bersemuka dan kendali sendiri.
 - b. Berdasarkan contoh-contoh yang berkaitan, apakah perkara-perkara yang harus diambil kira dalam membentuk soal-selidik?
 - c. Apakah yang dimaksudkan dengan soalan kontingensi dan kenapakah soalan seperti ini penting?
 - d. Jelaskan dengan ringkas skala Guttman dan skala Likert.

(100 markah)

4. *"The choices of research topics and even research methodology are influenced by the values the scientist holds."* (Kerlinger, 1979:276).

Terjemahan:

Pemilihan tajuk-tajuk penyelidikan malahan kaedah penyelidikan dipengaruhi oleh nilai-nilai yang dipegang oleh seseorang ahli sains. (Kerlinger, 1979:276).

Hurai dan bincang kenyataan tersebut serta kaitkan dengan persoalan objektiviti dan ideologi dalam penyelidikan.

(100 markah)

-oooOooo-